# 2013

# LAPORAN TAHUNAN

## Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia



# PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinanNya jua kita dapat terus menyumbang ke arah kecemerlangan dan kegemilangan Kementerian Dalam Negeri sejajar dengan Visi Kementerian sebagai Peneraju Keselamatan Dalam Negeri.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) di atas segala usaha dan inisiatif yang telah dicurahkan di dalam menerbitkan Laporan Tahunan Jabatan bagi tahun 2013. Penerbitan buku laporan tahunan ini diharap dapat memberi gambaran yang jelas mengenai fungsi dan peranan JPPM sebagai 'custodian' dan penyimpan rekod pendaftaran kepada semua pertubuhan berdaftar di Malaysia.

KDN sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama yang terbaik kepada JPPM di dalam melaksanakan transformasi dari semasa ke semasa demi meningkatkan imej dan sistem penyampaian JPPM khususnya kepada pertubuhan-pertubuhan berdaftar yang terdapat di negara ini. Usaha menggerakkan gelombang kesukarelaan akan lebih mudah disemarakkan melalui peranan dan kerjasama yang dimainkan oleh pertubuhan-pertubuhan berdaftar.

Justeru, peranan JPPM menjadi bertambah penting di dalam memastikan pertubuhan-pertubuhan berdaftar dapat bergerak secara lebih aktif, sihat dan seterusnya menjadi faktor penyumbang kepada keselamatan, kestabilan dan pembangunan sosio-ekonomi rakyat secara keseluruhannya. Dalam apa jua urusan dan tugas yang dilaksanakan, hak rakyat perlu sentiasa didahulukan, pencapaian Jabatan perlu sentiasa diutamakan. Dasar kerajaan iaitu "Merakyatkan Perkhidmatan Awam" hendaklah sentiasa diterapkan di dalam perancangan strategik Jabatan agar lebih dekat dengan pelanggan.

Justeru saya mengambil kesempatan murni ini mengucapkan syabas dan selamat maju jaya kepada semua warga JPPM. Sentiasa mantapkan integriti dan hiasi sahsiah diri. Semoga Allah akan memberkati segala usaha yang dicurahkan demi memartabatkan agama, bangsa dan negara yang tercinta.

Sekian, Wassalam.

**DATO' SRI MOHAMAD KHALID BIN HJ SHARIFF**
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri



# PERUTUSAN PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, Laporan Tahunan bagi tahun 2013 dapat diterbitkan untuk rujukan semua warga Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dan organisasi kerajaan yang lain. Syabas dan tahniah diucapkan kepada para pegawai yang terlibat dalam menyempurnakan penerbitan Laporan Tahunan bagi tahun ini.

Menyedari bahawa kebebasan untuk menubuhkan persatuan dinyatakan secara jelas dalam Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah menjalankan pelbagai usaha bagi meningkatkan sistem penyampaian kepada pelanggan.

Justeru itu, penggunaan aplikasi Sistem Pendaftaran Pertubuhan Secara Atas Talian (EROSES) telah diperluaskan dan ditambahbaik ke seluruh negeri dalam setiap urusan berkaitan pendaftaran pertubuhan. Penggunaan aplikasi EROSES bukan sahaja dapat meningkatkan 'business process' dalaman Jabatan, malah memastikan penyediaan maklumat dan statistik yang sentiasa terkini dan tepat.

Laman sesawang rasmi Jabatan telah ditambahbaik dan diperbaharui agar tampak lebih interaktif dan informatif dari segi menyalurkan maklumat mengenai Jabatan yang amat berguna kepada pelanggan. Begitu juga halnya dengan penggunaan facebook dan twitter Jabatan yang kian hari bergerak secara lebih aktif di mana semua aktiviti dan perkembangan semasa Jabatan akan dimuatnaik dan dimaklumkan dari semasa ke semasa dengan segera.

Dalam masa yang sama, Jabatan telah meningkatkan program-program yang didapati telah membantu pertubuhan menguruskan pentadbirannya mengikut Perlembagaan dan bergerak secara sihat serta seterusnya boleh menyumbang kepada keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat.

Sepanjang tahun 2013, berbagai-bagai transformasi telah dilaksanakan. Ini termasuklah perluasan sistem EROSES ke seluruh negeri. Langkah transformasi seterusnya ialah engagement dengan Rakan Strategik Jabatan yang terdiri bukan sahaja daripada organisasi kerajaan dan swasta bahkan di peringkat antarabangsa. Ini bertujuan untuk perkongsian maklumat secara pintar melalui jalinan kerjasama secara dua hala. Selain itu juga, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan membabitkan seluruh JPPM Negeri seperti Program JPPM berbentuk Outreach iaitu Program Sehari Bersama Pelanggan yang meliputi Sesi Dialog, Taklimat dan Majlis Ramah Mesra bersama Pertubuhan. Selain itu juga, aktiviti berbentuk Corporate Social Responsibility (CSR) seperti program anak angkat, pemberian sumbangan dan bantuan kepada pertubuhan kebajikan dan sebagainya turut dijayakan sepanjang masa. Kursus dan Taklimat Pengurusan Pertubuhan kepada pertubuhan baru dan lama juga merupakan program berterusan yang dilaksanakan di setiap JPPM Negeri.

Dari segi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) pula, JPPM telah mendapat pengiktirafan sebagai pemerhati daripada Asia Pacific On Anti-Money Laundering bersama-sama dengan agensi lain seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) di mana kesemua kriteria yang ditetapkan telah dipatuhi sepenuhnya oleh JPPM iaitu dari segi peningkatan obligasi pelaporan, pemantauan pematuhan, dan program kesedaran mengenai AMLATFA selaras dengan kehendak Akta tersebut.

Salah satu peranan baru JPPM dalam pelan transformasi Jabatan adalah bagi menjadi Agensi Induk Enterpris Sosial. Enterpris sosial adalah perniagaan yang bermatlamatkan kepentingan sosial. Ciri paling utama enterpris sosial adalah melaburkan kembali keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan yang dijalankan untuk menjayakan matlamat atau misi sosial pertubuhan masyarakat sivil tersebut.

Adalah diharapkan agar laporan tahunan Jabatan ini dapat memberikan gambaran penuh mengenai aktiviti dan pencapaian Jabatan secara keseluruhannya sepanjang tahun 2013. Akhir kalam, Jabatan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama yang berterusan kepada JPPM.

Sekian, Wassalam.

**"PELUANG UNTUK KEBAJIKAN"**

**MOHAMAD RAZIN BIN ABDULLAH**
Pendaftar Pertubuhan Malaysia

# MAKLUMAT KORPORAT



# JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bertanggungjawab mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984 yang mana secara ringkasnya memperuntukkan kuasa bagi Jabatan untuk mengawal dan mengawasi pertubuhan supaya tidak bertentangan dengan keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban atau akhlak negara Malaysia serta mengurus dan menyimpan rekod-rekod pendaftaran berkaitan dengan pertubuhan dan cawangan pertubuhan berdaftar. JPPM diketuai oleh Pendaftar Pertubuhan dan dibantu oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan. Pejabat JPPM di 14 buah negeri dan sebuah cawangan kecil di Miri, Sarawak pula diketuai oleh Penolong Pendaftar Pertubuhan. Motto JPPM adalah "Peluang Untuk Kebajikan" atau "Reverence Of Sharing".

# FUNGSI JABATAN

## PERATURAN

*KESELAMATAN
*KETENTERAMAN
*AWAM
*MORAL
*FAEDAH EKONOMI
DAN SOSIAL

## PENDAFTAR




## PENDAFTAR

## AKTA

*PERLEMBAGAAN
SEKSYEN 2A
AKTA PERTUBUHAN
1966

# OBJEKTIF, VISI & MISI

## OBJEKTIF

MEMASTIKAN PERTUBUHAN BERDAFTAR BERGERAK SEJAJAR DENGAN AKTA PERTUBUHAN 1966, UNDANG-UNDANG TUBUH PERTUBUHAN DAN DASAR-DASAR NEGARA.

## VISI

SEBAGAI JABATAN YANG DINAMIK DAN KOMPETEN DALAM PENGURUSAN PERTUBUHAN

## MISI

MEMANTAPKAN HUBUNGAN BAIK DENGAN PERTUBUHAN DAN MENINGKATKAN PENGUATKUASAAN AKTA PERTUBUHAN 1966






# PIAGAM PELANGGAN JPPM

i) Menyelesaikan semua permohonan urusan pertubuhan yang lengkap dan teratur dalam tempoh berikut:

a) Permohonan pendaftaran pertubuhan induk
Peringkat Negeri - 1 minggu
Peringkat Ibu Pejabat - 1 minggu

b) Permohonan pindaan undang-undang
Pindaan sebahagian - 1 bulan
Pindaan keseluruhan - 1 bulan

c) Permohonan penubuhan cawangan - 1 minggu

ii) Menyiasat semua aduan dalam tempoh tidak melebihi satu bulan dari tarikh terima aduan.

iii) Memberi khidmat nasihat, pandangan dan ulasan mengenai perkara-perkara berkaitan Undang-undang Tubuh Pertubuhan dan Akta Pertubuhan 1966 secara professional dengan segera.

# NILAI-NILAI BERSAMA

Selaras dengan usaha-usaha penerapan dan pemantapan nilai-nilai murni di kalangan pegawai-pegawai Jabatan, Kod Etika disediakan sebagai panduan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan daripada Stakeholders. Kod Etika Jabatan mengandungi empat (4) prinsip utama seperti berikut:

- **Profesionalisme**

  Sentiasa menjalankan tugas tanpa pilih kasih, sentiasa objektif dan tidak mementingkan diri serta sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.

- **Bekerja Sebagai Satu Pasukan**

  Bekerja ke arah mencapai misi dan visi Jabatan dengan sentiasa melibatkan diri dan memberi sumbangan dalam aktiviti Jabatan, berkongsi pengalaman, maklumat dan ilmu pengetahuan.

- **Berorientasikan Perkhidmatan**

  Sentiasa melaksanakan tugas dengan segera (sense of urgency) dan melakukan yang terbaik untuk mencapai kecemerlangan serta sentiasa berusaha menambahbaik dan meningkatkan prestasi kerja.

- **Berhemah dan Berwibawa**

  Sentiasa jujur, mematuhi peraturan, amanah, berakauntabiliti, tenang dan sabar serta boleh menyesuaikan diri dalam semua keadaan. Bersedia menerima teguran dan kritikan berguna.

# STRUKTUR ORGANISASI

## PENGURUSAN TERTINGGI JPPM

Tuan Mohammad Razin Bin Abdullah
**Ketua Pengarah**

Tuan Haji Alias Bin Mamat
**Timbalan Ketua Pengarah**

Encik Dasmond Das A/L Michael Das
**Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Pertubuhan**

Encik Akmal Bin Yahaya, ASP
**Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan**

Puan Noor Azah binti Abdul Rahman
**Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat**

Cik Junaina Binti Johan
**Ketua Penolong Pengarah Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan**

Encik Nor Affendy bin Abd. Khalid
**Pengarah JPPM Negeri Selangor**

Puan Lim Jit Ngoh
**Pengarah JPPM Negeri Johor**

Encik Ken Leben
**Pengarah JPPM Negeri Sarawak**

Puan Juzilawati binti Kamarudin
**Pengarah JPPM Negeri Pahang**

Puan Wan Rahimah binti Wan Hamat
**Pengarah JPPM Negeri Kelantan**

Puan Amirthavalli A/P A.V. Muthiah
**Pengarah JPPM Negeri Perak**

Puan Zuliana binti Mohd Akob
**Pengarah JPPM WP Kuala Lumpur**

Encik Matthew anak Dominic Barin
**Pengarah JPPM Negeri Sabah**

Encik Anuar Bin Isa
**Pengarah JPPM Negeri Kedah**

Encik Rae Morn A/L Verak
**Pengarah JPPM Negeri Pulau Pinang**

Puan Wan Suhaini bin Wan Mohamad
**Pengarah JPPM Negeri Terengganu**

Cik Faizahnor Binti Sidek
**Pengarah JPPM Negeri Melaka**

Encik Noor Azfar Akmal Bin Bahara
**Pengarah JPPM Negeri Sembilan**

Encik Bakhtiar Effendy Bin Mohd Khalid
**Pengarah JPPM Negeri Perlis**

# STRUKTUR ORGANISASI JABATAN

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia beribu pejabat di Putrajaya dan mempunyai 14 buah pejabat negeri serta sebuah cawangan di Miri. Jabatan ini diketuai oleh Pendaftar Pertubuhan dan dibantu oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan. Pejabat-pejabat JPPM Negeri pula diketuai oleh Pengarah/Penolong Pendaftar Pertubuhan.Jumlah semasa perjawatan Jabatan adalah sebanyak 275. Daripada jumlah ini, 1 perjawatan adalah daripada Pengurusan Tertinggi, 24 perjawatan adalah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala 250 perjawatan lagi adalah daripada Kumpulan Sokongan.

## 1. Peringkat Ibu Pejabat

Struktur organisasi Ibu Pejabat terdiri daripada empat (4) bahagian, iaitu Bahagian Pengurusan Pertubuhan, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat serta Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan. Fungsi dan tanggungjawab setiap bahagian berkenaan adalah seperti berikut:

### 1.1 Bahagian Pengurusan Pertubuhan

Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan pendaftaran pertubuhan dan pemantauan pertubuhan-pertubuhan berdaftar. Selain mempertimbangkan permohonan bergerak sementara, permohonan pindaan undangundang, pelantikan pegawai harta dan pegawai awam, mengeluarkan surat-surat perintah pembatalan, Bahagian ini juga bertanggungjawab memproses permohonan rayuan berkaitan penolakan atau pembatalan ke atas pendaftaran pertubuhan untuk dikemukakan kepada Kementerian bagi pertimbangan Y.B. Menteri Dalam Negeri.

### 1.2 Bahagian Penguatkuasaan

Bahagian ini bertanggungjawab mengenai urusan pemeriksaan, siasatan aduan, risikan dan pendakwaan bagi memastikan pengurusan pertubuhan, pelaksanaan program/aktiviti pertubuhan selaras dengan Akta Pertubuhan 1966,Perlembagaan Pertubuhan dan Dasar-dasar Negara. Bahagian ini bekerjasama dengan Cawangan Penguatkuasaan JPPM Negeri dalam tugas-tugas pemeriksaan dan siasatan ke atas pertubuhan pertubuhan berdaftar di negeri berkenaan.

### 1.3 BahagianPengurusanTeknologi Maklumat

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat bertanggungjawab merancang, mengurus, membangun, dan menyelenggara sistem teknologi maklumat Jabatan. Bahagian ini juga bertanggungjawab memastikan rangkaian talian yang menghubungkan antara Ibu Pejabat dan JPPM Negeri sentiasa berada dalam keadaan memuaskan dan beroperasi dengan baik.

### 1.4 Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan bertanggungjawab terhadap hal-hal berkaitan perkhidmatan, perjawatan, latihan serta pengurusan prestasi dan disiplin pegawai. Selain itu, bahagian ini juga menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan dan pentadbiran am pejabat, pengurusan kualiti dan produktiviti, perhubungan awam dan khidmat korporat serta keselamatan. Bahagian ini turut berfungsi dalam menguruskan kewangan dan akaun Jabatan.

## 2. Peringkat JPPM Negeri

Pada dasarnya tugas dan tanggungjawab JPPM Negeri adalah sama seperti tanggungjawab di Ibu Pejabat, iaitu menerima, memproses dan meluluskan permohonan pendaftaran pertubuhan kecuali menyemak permohonan bagi kategori politik, perdagangan, antarabangsa, agama, dan lain-lain pertubuhan di peringkat nasional. Struktur JPPM Negeri terbahagi kepada empat (4) cawangan iaitu Cawangan Pengurusan Pertubuhan, Cawangan Kawalan, Cawangan Penguatkuasaan dan Cawangan Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan. Tugas dan tanggungjawab setiap cawangan adalah seperti berikut:

### 2.1 Cawangan Pengurusan Pertubuhan

Cawangan ini bertanggungjawab memproses permohonan pendaftaran pertubuhan, bergerak sementara, pindaan undang-undang, pertukaran nama pertubuhan dan alamat berdaftar, pendaftaran pegawai harta dan pegawai awam. Cawangan ini juga bertanggungjawab memberi khidmat nasihat serta bimbingan mengenai pengurusan pertubuhan melalui program ceramah dan taklimat .

### 2.2 Cawangan Kawalan

Cawangan ini bertanggungjawab menerima, memantau dan menyemak Penyata Tahunan yang dihantar oleh pertubuhan induk dan cawangan. Melalui semakan Penyata Tahunan, cawangan ini memastikan pengurusan kewangan pertubuhan adalah teratur, kepentingan dan hak-hak ahli terjamin. Selain itu, cawangan ini juga bertanggungjawab mengeluarkan notis-notis di bawah Seksyen 13(2), 14(2) dan 14(5) serta mengesyorkan pembatalan sesebuah pertubuhan yang gagal mematuhi kehendak notis-notis yang dikeluarkan.

### 2.3 Cawangan Penguatkuasaan

Cawangan Penguatkuasaan bertanggungjawab melakukan lawatan pemeriksaan ke atas pertubuhan berdaftar secara bernotis atau tanpa notis. Cawangan ini juga bertanggungjawab menjalankan siasatan ke atas semua aduan yang diterima sama ada yang melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Perlembagaan Pertubuhan serta melakukan risikan ke atas pertubuhan tidak berdaftar yang diyakini bergerak aktif.

### 2.4 Cawangan Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

Cawangan ini bertanggungjawab mengenai pengurusan sumber manusia, pentadbiran am pejabat, pengurusan kualiti dan produktiviti serta keselamatan. Selain itu, cawangan ini turut berfungsi dalam mengawal perbelanjaan dan kutipan hasil Jabatan di peringkat negeri.

## CARTA ORGANISASI JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA




**Rajah 2: Carta Organisasi Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia**



# PENGURUSAN PERTUBUHAN

# AKTIVITI-AKTIVITI PENGURUSAN PERTUBUHAN

Setakat 31 Disember 2013, sebanyak 52,980 pertubuhan induk telah didaftarkan dengan JPPM. Dalam tempoh yang sama jua, JPPM telah menerima sejumlah 7,985 permohonan pendaftaran pertubuhan baru berbanding 7,834 permohonan pada tahun 2012, peningkatan sebanyak 2% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Bagi tujuan pemantauan ke atas pertubuhan berdaftar, JPPM telah menerima 23,205 Penyata Tahunan [Seksyen 14(1) Akta] pada tahun 2013. Jumlah ini menunjukkan hanya 19.33% daripada jumlah keseluruhan pertubuhan yang berdaftar sahaja (119,993 pertubuhan induk dan cawangan) yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka untuk menghantar maklumat tahunan tersebut. Bagi pertubuhan yang gagal menghantar Penyata Tahunan dalam tempoh dua tahun atau kurang, JPPM akan menghantar kenyataan sebelum pembatalan [Seksyen 14(2) Akta] ke atas pertubuhan tersebut supaya mengemukakan penyata tersebut dalam tempoh 30 hari. Sehingga 31 Disember 2013,sebanyak 1017 notis telah dikeluarkan kepada pertubuhan induk dan sebanyak 58 lagi notis telah dikeluarkan kepada pertubuhan cawangan.Bagi pertubuhan yang masih gagal mengemukakan Penyata tahunan dalam tempoh 30 hari, 644 perintah Pembubaran Sementara telah dikeluarkan kepada pertubuhan induk dan sebanyak 21 perintah telah dikeluarkan kepada pertubuhan cawangan [Seksyen 14(5) Akta] sehingga 31 Disember 2013. JPPM juga telah mengambil tindakan ke atas pertubuhan yang gagal menghantar Penyata Tahunan tiga tahun berturut-turut di mana satu kenyataan sebelum pembatalan [Seksyen 13(2) Akta] telah dikeluarkan. Pertubuhan yang menerima notis tersebut diberi tempoh selama 30 hari untuk memberi maklum balas dan akan dibatalkan sekiranya gagal berbuat demikian atas alasan pertubuhan tersebut telah tidak wujud lagi [Seksyen 13(1)(c)(v) Akta].

Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 8,691 dan 44 notis kenyataan sebelum pembatalan telah dikeluarkan masing-masing kepada pertubuhan induk dan cawangan.

Di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Seksyen 18), sesebuah pertubuhan boleh mengemukakan rayuan kepada YB Menteri Dalam Negeri di atas keputusan pembatalan atau penolakan pendaftaran; penolakan permohonan pindaan undang-undang atau Perintah Pembubaran Sementara yang telah dibuat oleh Pendaftar Pertubuhan. Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 121 permohonan rayuan telah diterima di mana 43 rayuan telah diluluskan, 38 rayuan ditolak,34 rayuan diluluskan dengan bersyarat dan selebihnya masih dalam pertimbangan. JPPM juga menjalankan aktiviti pemeriksaan ke atas pertubuhan, siasatan ke atas aduan, risikan dan pendakwaan bagi memastikan pengurusan pertubuhan dan pelaksanaan program/ aktiviti pertubuhan adalah selaras dengan Akta Pertubuhan 1966 dan Perlembagaan Pertubuhan. Aktiviti penguatkuasaan Akta ini dijalankan oleh pegawai-pegawai Polis Diraja Malaysia yang berkhidmat di JPPM secara kader dengan kerjasama Cawangan Penguatkuasaan JPPM Negeri.

Terdapat dua kaedah pemeriksaan yang dilakukan iaitu pemeriksaan bernotis yang memfokuskan kepada pertubuhan bermasalah dan bagi menyiasat aduan mengenai sesuatu kesalahan yang telah dilakukan oleh pihak pertubuhan; dan pemeriksaan tanpa notis (mengejut) akan dibuat secara rambang dan berdasarkan aduan awam yang diterima. Sebanyak 1566 pemeriksaan bernotis dan 147 pemeriksaan tanpa notis telah dilakukan ke atas pertubuhan berdaftar di seluruh negara pada tahun 2013.
JPPM akan menjalankan aktiviti siasatan berdasarkan aduan yang diterima terhadap sesuatu pertubuhan samada ia telah melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Perlembagaan berdaftarnya. Seterusnya, JPPM akan memperakukan kepada Timbalan Pendakwa Raya Negeri berkenaan untuk tindakan pendakwaan di mahkamah sekiranya hasil siasatan mendapati pemegang-pemegang jawatan sesebuah pertubuhan telah melanggar Akta Pertubuhan 1966. Sepanjang tahun 2013, Jabatan telah menerima sejumlah 306 kes aduan berkaitan kelemahan pengurusan dan pentadbiran pertubuhan berdaftar. Kebanyakan aduan yang diterima adalah melibatkan pertubuhan-pertubuhan daripada kategori Agama, Kebajikan Masyarakat, Am dan Perdagangan.

Daripada keseluruhan aduan yang diterima, sejumlah 255 kes adalah telah selesai. Sebanyak 138 kes aduan yang disiasat telah diberi teguran/khidmat nasihat supaya menguruskan pertubuhan dengan teratur dan sebanyak 5 kes dalam tindakan notis.

Sementara itu, sebanyak 37 kes lagi masih dalam siasatan Jabatan. Sementara itu, sebanyak 14 kertas siasatan (Pendakwaan) telah dibuka dan masih dalam tindakan lanjut JPPM.

## LIMA KATEGORI UTAMA PERTUBUHAN BERDAFTAR (AKTIF)




## LIMA NEGERI UTAMA PERTUBUHAN BERDAFTAR (AKTIF)



## STATISTIK EROSES




Secara keseluruhan, Peruntukan Belanjawan Mengurus Jabatan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM 21,000,000.00. Daripada jumlah ini, sebanyak 99% iaitu RM 20,790,000.00 telah dibelanjakan. Pada tahun 2013, jumlah kutipan hasil Jabatan adalah sebanyak RM 452,848.00, di mana jumlah tersebut diperolehi daripada hasil kutipan fi yang dikenakan untuk yuran pendaftaran pertubuhan, carian maklumat pertubuhan dan yuran rayuan terhadap penolakan atau pembatalan pendaftaran pertubuhan serta jualan panduan/contoh Perlembagaan Pertubuhan.

## PERJAWATAN, KUASA DAN PERUNTUKAN

### PENJAWATAN

*KESELURUHAN : 272
*PENGISIAN : 270
*PENGURUSAN TERTINGGI (GRED UTAMA) : 1 ORANG
*PENGURUSAN & PROFESSIONAL (GRED 41-54) : 22 ORANG
*SOKONGAN I (GRED 17-36) : 203 ORANG
*SOKONGAN II (GRED 1-14) : 37 ORANG
*KADER POLIS (GRED YA2-YA16) : 7 ORANG

### KUASA

*AKTA PERTUBUHAN 1966 (AKTA 335)
*PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984

### PERUNTUKAN KEWANGAN TAHUNAN

*MENGURUS : RM 21 JUTA (PRESTASI PERBELANJAAN 2013 99%)
*PEMBANGUNAN : 6.5 JUTA
*KUTIPAN : RM 452,848 RIBU

# PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JPPM



23 FEB 2012
LAUNCHING YB MDN

- **16 JANUARY 2012** — *PILOT PROJECT *PHASE 1
- **02 APRIL 2012** — *DEVELOPMENT EROSES PHASE 2
- **02 JULY 2012** — *NATIONAL ROLL OUTPHASSE 1
- **18 MARCH 2013** — *NATIONAL ROLL OUTPHASSE 2

Bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan terutama dalam pengurusan pendaftaran pertubuhan serta menyahut kehendak Kerajaan bagi jabatan -jabatannya untuk memperkenalkan perkhidmatan atas talian (online), JPPM telah memperkenalkan satu sistem baru yang dinamakan Sistem Elektronik Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (EROSES) yang boleh dicapai menggunakan url www.eroses.gov.my. Jika sebelum ini urusan pendaftaran dan pengemaskinian maklumat pertubuhan adalah secara manual, EROSES membolehkan pengguna mendaftarkan akaun pengguna, membuat permohonan baru, membuat pindaan undang-undang dan juga menawarkan khidmat pembayaran secara atas talian. Sistem ini juga telah dibangunkan sepenuhnya oleh sumber dalaman atau secara in house project iaitu kerjasama daripada jabatan-jabatan serta agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri. Buat pertama kali kerajaan meminta supaya proses pengkomputeran jabatan dilaksanakan secara dalaman di mana sistem ini telah menjimatkan kerajaan sebanyak RM8 juta. Sistem ini diwujudkan sejak 2 Januari 2011. Sejak perluasan EROSES pada 5 Julai 2012, JPPM telah mencatatkan rekod permohonan yang paling tinggi sejak penubuhannya iaitu peningkatan sebanyak 88.7% daripada tahun sebelumnya. Sistem EROSES telah digunakan dengan sepenuhnya bermula 10 Mac 2013. Proses migrasi data daripada sistem sebelum ini iaitu ROSES kepada EROSES telah pun disempurnakan dengan jayanya. Bermula pada tahun 2013 juga, pertubuhan -pertubuhan berdaftar dikehendaki untuk menyerahkan Penyata Tahunan melalui sistem EROSES.



# Pemberian Geran Kepada Persatuan Penduduk

Objektif program ini adalah untuk menyerahkan geran kepada Persatuan Penduduk yang telah diluluskan permohonan geran sebanyak maksimum RM10,000.00 setiap pertubuhan. Ini adalah selaras dengan pembentangan Bajet 2013, Fokus Kelima :
Mensejahterakan Rakyat dimana pemberian geran persatuan penduduk ini adalah di bawah inisiatif untuk mewujudkan suasana kejiranan yang selamat dan harmoni, di samping menyokong peranan persatuan bagi tujuan menggalakkan aktiviti rondaan di kawasan kejiranan.

Pertubuhan ini boleh menggunakan geran tersebut bagi tujuan untuk membeli peralatan keselamatan, antaranya, kamera litar tertutup, link fencing, palang keselamatan dan sebagainya.







Daripada jumlah 1592 permohonan geran yang dipohon oleh Persatuan Penduduk bagi semua negeri di seluruh Malaysia, sebanyak 1492 geran yang telah diluluskan serta yang ditolak adalah berjumlah 55 permohonan.

Keseluruhan jumlah geran yangdiluluskan permohonan geran ialah sebanyak RM 14,799,873. Baki dari peruntukan yang diberikan adalah berjumlah RM 5,200,127. Bagi permohonan yang ditolak adalah berpunca daripada permohonan yang tidak lengkap serta terdapat persatuan yang telah lama tidak menghantar.

Penyata Tahunan kepada Jabatan. Setiap persatuan menerima geran berdasarkan keperluan yang dipohon.

Kebanyakannya keperluan tidak melebihi RM10,000 walaupun peruntukan yang diberikan adalah berjumlah RM 10,000.






# LAPORAN TERPERINCI DAN STATISTIK PEMBERIAN GERAN KEPADA PERSATUAN PENDUDUK







Gambar Sekitar Majlis Taklimat dan Pemberian Geran Kepada Persatuan Penduduk

# PEMBERIAN GERAN KEPADA PERSATUAN PENDUDUK

Objektif program ini adalah untuk menyerahkan geran kepada Persatuan Penduduk yang telah diluluskan permohonan geran sebanyak maksimum RM10,000.00 setiap pertubuhan. Ini adalah selaras dengan pembentangan Bajet 2013, Fokus Kelima :

Mensejahterakan Rakyat dimana pemberian geran persatuan penduduk ini adalah di bawah inisiatif untuk mewujudkan suasana kejiranan yang selamat dan harmoni, di samping menyokong peranan persatuan bagi tujuan menggalakkan aktiviti rondaan di kawasan kejiranan. Pertubuhan ini boleh menggunakan geran tersebut bagi tujuan untuk membeli peralatan keselamatan, antaranya, kamera litar tertutup, link fencing, palang keselamatan dan sebagainya. Daripada jumlah 1592 permohonan geran yang dipohon oleh Persatuan Penduduk bagi semua negeri di seluruh Malaysia, sebanyak 1492 geran yang telah diluluskan serta yang ditolak adalah berjumlah 55 permohonan. Keseluruhan jumlah geran yang diluluskan permohonan geran ialah sebanyak RM 14,799,873. Baki dari peruntukan yang diberikan adalah berjumlah RM 5,200,127. Bagi permohonan yang ditolak adalah berpunca daripada permohonan yang tidak lengkap serta terdapat persatuan yang telah lama tidak menghantar Penyata Tahunan kepada Jabatan. Setiap persatuan menerima geran berdasarkan keperluan yang dipohon. Kebanyakannya keperluan tidak melebihi RM10,000 walaupun peruntukan yang diberikan adalah berjumlah RM 10,000.










## SEMINAR KEBANGSAAN MENGENAI PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN 2013







# AKTIVITI-AKTIVITI JPPM



## AKTIVITI-AKTIVITI JPPM

Kunjungan hormat YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri ke JPPM dan Majlis Tarhib Ramadhan Pada 15hb Julai 2013.
























# PEMANTAUAN PERTUBUHAN

## Jumlah Penerimaan Penyata Tahunan Seksyen 14(1) Bagi Pertubuhan Induk Pada Tahun 2013

| Negeri | Jumlah |
|---|---|
| Terengganu | 489 |
| P.Pinang | 2634 |
| Perlis | 230 |
| Kedah | 1790 |
| Johor | 2501 |
| Pahang | 1002 |
| Melaka | 1063 |
| Perak | 2895 |
| Kelantan | 490 |
| Sarawak | 1176 |
| Selangor | 4087 |
| N.Sembilan | 1019 |
| WPKL | 2799 |
| Sabah | 1030 |
| **JUMLAH** | 1030 |

| NEGERI | PERLIS | | KEDAH | | P.PINANG | | PERAK | | SELANGOR | | WPKL | | N. SEMBILAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| PERKARA | INDUK | CAW. | INDUK | CAW. | INDUK | CAW. | INDUK | CAW. | INDUK | CAW. | INDUK | CAW. | INDUK | CAW. |
| Pengeluaran Surat Peringatan Penyata Tahunan [Sek.14(1)] | 0 | 0 | 104 | 0 | 924 | 2 | 0 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Pengeluaran Notis Sek.14(2) | 0 | 0 | 10 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 3 | 0 | 33 | |
| Pengeluaran Perintah Sek.14(5), Pembubaran Sementara | 0 | 0 | 38 | 5 | 9 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 3 | 0 | 5 | 0 |
| Pengeluaran Notis Sek.13(2) atas sebab Tidak Wujud Lagi | 56 | 23 | 1657 | 0 | 227 | 0 | 41 | 3 | 5870 | 0 | 43 | 0 | 155 | 0 |

| NEGERI | MELAKA | | PAHANG | | KELANTAN | | TERENGGANU | | JOHOR | | SARAWAK | | SABAH | | JUMLAH | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| PERKARA | INDUK | CAW. | INDUK | CAW. | INDUK | CAW. | INDUK | CAW. | INDUK | CAW. | INDUK | CAW. | INDUK | CAW. | INDUK | CAW. |
| Pengeluaran Surat Peringatan Penyata Tahunan [Sek.14(1)] | 1116 | 32 | 862 | 0 | 1146 | 74 | 605 | 221 | 4502 | 0 | 2803 | 1 | 443 | 0 | 12510 | 330 |
| Pengeluaran Notis Sek.14(2) | 174 | 3 | 677 | 7 | 15 | 8 | 60 | 18 | 16 | 0 | 28 | 22 | 0 | 0 | 1017 | 56 |
| Pengeluaran Perintah Sek.14(5), Pembubaran Sementara | 157 | 0 | 357 | 3 | 1 | 4 | 59 | 9 | 7 | 0 | 2 | 0 | 4 | 0 | 644 | 21 |
| Pengeluaran Notis Sek.13(2) atas sebab Tidak Wujud Lagi | 20 | 1 | 173 | 0 | 63 | 8 | 10 | 6 | 274 | 3 | 20 | 0 | 84 | 0 | 8691 | 44 |

**Jumlah Permohonan Rayuan Diterima dan Jenis Keputusan Pada Tahun 2013**




**STATISTIK PERTUBUHAN BERDAFTAR SETAKAT 31 DISEMBER 2013 (INDUK)**

| Negeri / Kategori | Perlis | Kedah | P. Pinang | Perak | Selangor | W.P Kuala Lumpur | Negeri Sembilan | Melaka | Pahang | Kelantan | Terengganu | Johor | Sarawak | Sabah | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Faedah Bersama | 34 | 324 | 160 | 328 | 140 | 73 | 161 | 103 | 110 | 50 | 55 | 154 | 42 | 46 | 1,780 |
| Hak Asasi | 1 | 10 | 20 | 159 | 107 | 58 | 14 | 33 | 15 | 27 | 10 | 35 | 24 | 35 | 548 |
| Iktisas | 9 | 24 | 61 | 129 | 237 | 134 | 32 | 101 | 16 | 22 | 10 | 6 | 26 | 23 | 830 |
| Keagamaan | 36 | 445 | 1,402 | 1,423 | 2,158 | 1,000 | 432 | 391 | 323 | 65 | 38 | 2,305 | 396 | 244 | 10,658 |
| Kebajikan | 94 | 838 | 896 | 1,635 | 2,212 | 2,289 | 748 | 410 | 694 | 518 | 281 | 1,276 | 855 | 738 | 13,484 |
| Kebudayaan & Kesenian | 21 | 97 | 183 | 205 | 321 | 328 | 80 | 99 | 92 | 88 | 50 | 296 | 275 | 157 | 2,292 |
| Keselamatan | 9 | 55 | 44 | 67 | 67 | 23 | 19 | 12 | 44 | 18 | 13 | 45 | 41 | 48 | 505 |
| Perdagangan | 21 | 156 | 243 | 229 | 528 | 664 | 61 | 100 | 138 | 75 | 82 | 511 | 307 | 330 | 3,445 |
| Rekreasi | 40 | 205 | 491 | 543 | 1,325 | 942 | 356 | 278 | 258 | 123 | 130 | 851 | 610 | 1.152 | 7,304 |
| Sosial | 57 | 428 | 942 | 1,098 | 3,145 | 2,000 | 678 | 480 | 330 | 220 | 142 | 1,428 | 646 | 485 | 12,079 |
| Politik | | | 1 | | 8 | 13 | 1 | | | 1 | | 1 | 11 | 19 | 55 |
| JUMLAH | 322 | 2,582 | 4,443 | 5,816 | 10,248 | 7,524 | 2,582 | 2,007 | 2,020 | 1,207 | 811 | 6,908 | 3,233 | 3,277 | 52,980 |

**STATISTIK PERTUBUHAN BERDAFTAR SETAKAT 31 DISEMBER 2013**

| NEGERI / KATEGORI | PERLIS | KEDAH | P.PINANG | PERAK | SELANGOR | WP. KUALA LUMPUR | N. SEMBILAN | MELAKA | PAHANG | KELANTAN | TERENGGANU | JOHOR | SARAWAK | SABAH | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| FAEDAH BERSAMA | 0 | 0 | 0 | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 7 |
| HAK ASASI | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| IKTISAS | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| KEAGAMAAN | 3 | 14 | 64 | 190 | 203 | 20 | 6 | 76 | 6 | 9 | 33 | 210 | 94 | 527 | 1455 |
| KEBAJIKAN | 2 | 8 | 71 | 228 | 218 | 12 | 20 | 98 | 45 | 33 | 50 | 128 | 260 | 16 | 1189 |
| KEBUDAYAAN & KESENIAN | 0 | 0 | 9 | 45 | 105 | 13 | 0 | 39 | 0 | 1 | 8 | 38 | 29 | 0 | 287 |
| KESELAMATAN | 0 | 0 | 0 | 12 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 12 |
| PERDAGANGAN | 0 | 6 | 13 | 73 | 82 | 2 | 0 | 37 | 21 | 5 | 24 | 122 | 68 | 0 | 453 |
| REKREASI | 1 | 4 | 67 | 173 | 151 | 3 | 1 | 54 | 4 | 11 | 38 | 157 | 138 | 0 | 802 |
| SOSIAL | 1 | 4 | 23 | 130 | 101 | 10 | 4 | 64 | 8 | 12 | 40 | 48 | 597 | 7 | 1049 |
| POLITIK | 861 | 4474 | 2313 | 5768 | 7397 | 2619 | 2051 | 1472 | 2784 | 4611 | 1491 | 4959 | 4512 | 16447 | 61759 |
| JUMLAH | 868 | 4510 | 2560 | 6626 | 8257 | 2679 | 2082 | 1840 | 2868 | 4682 | 1684 | 5662 | 5698 | 16997 | 67013 |

### Bilangan Pertubuhan Berdaftar Mengikut Tahun (2008-2013)

| | SEHINGGA 2008 | SEHINGGA 2009 | SEHINGGA 2010 | SEHINGGA 2011 | SEHINGGA 2012 | SEHINGGA 2013 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| INDUK | 43,706 | 46,339 | 46,866 | 47,626 | 49,746 | 52,980 |
| CAWANGAN | 69,132 | 69,002 | 69,628 | 70,380 | 66,241 | 67,013 |
| JUMLAH | 112,838 | 115,361 | 116,494 | 118,006 | 115,987 | 119,993 |

PETUNJUK :
- INDUK
- CAWANGAN
- JUMLAH

### STATISTIK PERMOHONAN PENDAFTARAN DITERIMA/LULUS/TOLAK TAHUN 2013

| | MOHON | LULUS | TOLAK |
|---|---|---|---|
| Johor | 717 | 558 | 162 |
| Kedah | 387 | 248 | 138 |
| Kelantan | 211 | 157 | 52 |
| Melaka | 255 | 178 | 77 |
| N.Sembilan | 508 | 258 | 250 |
| Pahang | 315 | 224 | 88 |
| P.Pinang | 551 | 371 | 179 |
| Perak | 551 | 426 | 122 |
| Perlis | 31 | 23 | 9 |
| Selangor | 2211 | 1362 | 888 |
| Terengganu | 122 | 97 | 25 |
| Sabah | 593 | 368 | 225 |
| Sarawak | 340 | 246 | 92 |
| WPKL | 1193 | 697 | 465 |
| JUMLAH | 7985 | 5213 | 2772 |


LAPORAN TAHUNAN JPPM 2013

# PENGUATKUASAAN KE ATAS PERTUBUHAN

## PENGUATKUASAAN KE ATAS PERTUBUHAN

JPPM juga menjalankan aktiviti pemeriksaan ke atas pertubuhan, siasatan ke atas aduan, risikan dan pendakwaan bagi memastikan pengurusan pertubuhan dan pelaksanaan program/aktiviti pertubuhan adalah selaras dengan Akta Pertubuhan 1966 dan Perlembagaan Pertubuhan. Aktiviti penguatkuasaan Akta ini dijalankan oleh pegawai-pegawai Polis Diraja Malaysia yang berkhidmat di JPPM secara kader dengan kerjasama Cawangan Penguatkuasaan JPPM Negeri.

Terdapat dua kaedah pemeriksaan yang dilakukan iaitu pemeriksaan bernotis yang memfokuskan kepada pertubuhan bermasalah dan bagi menyiasat aduan mengenai sesuatu kesalahan yang telah dilakukan oleh pihak pertubuhan; dan pemeriksaan tanpa notis (mengejut) akan dibuat secara rambang dan berdasarkan aduan awam yang diterima. Sebanyak 1566 pemeriksaan bernotis dan 147 pemeriksaan tanpa notis telah dilakukan ke atas pertubuhan berdaftar di seluruh negara pada tahun 2013.

JPPM akan menjalankan aktiviti siasatan berdasarkan aduan yang diterima terhadap sesuatu pertubuhan samada ia telah melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Perlembagaan berdaftarnya. Seterusnya, JPPM akan memperakukan kepada Timbalan Pendakwa Raya Negeri berkenaan untuk tindakan pendakwaan di mahkamah sekiranya hasil siasatan mendapati pemegang - pemegang jawatan sesebuah pertubuhan telah melanggar Akta Pertubuhan 1966.

Sepanjang tahun 2013, Jabatan telah menerima sejumlah 306 kes aduan berkaitan kelemahan pengurusan dan pentadbiran pertubuhan berdaftar. Kebanyakan aduan yang diterima adalah melibatkan pertubuhan-pertubuhan daripada kategori Agama, Kebajikan Masyarakat, Am dan Perdagangan. Daripada keseluruhan aduan yang diterima, sejumlah 255 kes adalah telah selesai. Sebanyak 138 kes aduan yang disiasat telah diberi teguran/khidmat nasihat supaya menguruskan pertubuhan dengan teratur dan sebanyak 5 kes dalam tindakan notis. Sementara itu, sebanyak 37 kes lagi masih dalam siasatan Jabatan.

Sementara itu, sebanyak 14 kertas siasatan (Pendakwaan) telah dibuka dan masih dalam tindakan lanjut JPPM.

# PROGRAM PEMANTAPAN PERTUBUHAN

## PROGRAM PEMANTAPAN PERTUBUHAN

Bagi tujuan pendedahan dan latihan kepada penggunaan sistem EROSES, Ibu Pejabat JPPM telah mengadakan beberapa siri bengkel bagi pegawai / kakitangan JPPM termasuk di negeri-negeri. Contohnya satu bengkel telah diadakan pada 29 Januari – 30 Januari 2013 untuk semua pembangun sistem dan diadakan dengan kerjasama fasilitator daripada MAMPU dan juga Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Dalam Negeri bagi menjamin kesinambungan dan penyeragaman pengaturcaraan serta memudahkan integrasi fasa I dan fasa II Sistem EROSES.

Hasil bengkel tersebut adalah satu dokumentasi standard bagi struktur sistem online serta membolehkan pasukan pembangunan sistem aplikasi menggunakan dokumentasi tersebut sebagai panduan dalam membangunkan sistem aplikasi online EROSES.

Kursus Pengurusan Pertubuhan dan Taklimat Pengurusan Pertubuhan ini dilaksanakan bersempena dengan arahan pelaksanaan Sistem Elektronik Pengurusan Pertubuhan (EROSES) yang dilancarkan pada 23 Februari 2012 dan juga untuk mempertingkatkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran mengenai pengurusan pertubuhan supaya mengikut Undang-Undang Berdaftar Pertubuhan dan mematuhi Akta Pertubuhan 1966.

(i) JPPM Pahang – Kursus Pertubuhan Bertempat di Dewan Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan

((ii) JPPM Sabah – Taklimat Pertubuhan Dan Aplikasi EROSES di Marudu,Kudat

## MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENDAFTARAN PERTUBUHAN KEPADA PARTI POLITIK



























LAPORAN TAHUNAN JPPM 2013

# BENGKEL MENGENAI EROSES



## BENGKEL MENGENAI EROSES



JPPM PAHANG

Taklimat Kepada Pertubuhan Bertempat di Dewan Semina Hotel Megaview, Kuantan, Anjuran Majlis Seni Beladiri Pahang.










# Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri JPPM TAHUN 2013











LAPORAN TAHUNAN JPPM 2013









STUDY VISIT
# DOA TURKEY TO ROS MALAYSIA



# PROGRAM
# "JOM NAIK TANGGA"



**Aktiviti "Jom Naik Tangga" akan diadakan di Ibu Pejabat JPPM pada setiap hari Selasa dan Khamis setiap minggu bermula jam 4.30 petang.**

Sebagai menyambut baik saranan pengurusan tertinggi Kementerian untuk mengadakan aktiviti riadah pada setiap minggu, pihak pengurusan tertinggi JPPM telah menetapkan bahawa Aktiviti "Jom Naik Tangga" akan diadakan di Ibu Pejabat JPPM pada setiap hari Selasa dan Khamis setiap minggu bermula jam 4.30 petang, bertempat di Tangga Bukit Kedutaan, Presint Diplomatik. Sebelum acara tersebut bermula, aktiviti stretching akan dilakukan oleh instructor dalaman yang dilantik di Laman Dewan Seroja.





# BENGKEL MENGENAI EROSES

Bagi tujuan pendedahan dan latihan kepada penggunaan sistem EROSES, Ibu Pejabat JPPM telah mengadakan beberapa siri bengkel bagi pegawai / kakitangan JPPM termasuk di negeri-negeri. Contohnya satu bengkel telah diadakan pada 29 Januari – 30 Januari 2013 untuk semua pembangun sistem dan diadakan dengan kerjasama fasilitator daripada MAMPU dan juga Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Dalam Negeri bagi menjamin kesinambungan dan penyeragaman pengaturcaraan serta memudahkan integrasi fasa I dan fasa II Sistem EROSES. Hasil bengkel tersebut adalah satu dokumentasi standard bagi struktur sistem online serta membolehkan pasukan pembangunan sistem aplikasi menggunakan dokumentasi tersebut sebagai panduan dalam membangunkan sistem aplikasi online EROSES.

## KURSUS PENGURUSAN PERTUBUHAN DAN TAKLIMAT PENGURUSAN PERTUBUHAN

Kursus ini dilaksanakan bersempena dengan arahan pelaksanaan Sistem Elektronik Pengurusan Pertubuhan (eROSES) yang dilancarkan pada 23 Februari 2012 dan juga untuk mempertingkatkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran mengenai pengurusan pertubuhan supaya mengikut Undang-Undang Berdaftar Pertubuhan dan mematuhi Akta Pertubuhan 1966.



## JPPM PAHANG




Kursus Pertubuhan Bertempat di Dewan Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan.

## BENGKEL MENGENAI EROSES







Bengkel Aplikasi EROSES Daerah Perak Tengah

## JPPM SABAH









Taklimat Pertubuhan Dan Aplikasi EROSES di Marudu, Kudat


Taklimat Pengurusan Pertubuhan Di Tiara Labuan Hotel, W.P.Labuan






Taklimat Pengurusan Pertubuhan dan Aplikasi EROSES Di Dewan Perniagaan Tionghua, Semporna.





Program Taklimat Pengurusan Pertubuhan Dan Penggunaan Aplikasi Eroses Bagi Daerah Keningau / Tambunan / Tenom.





# JPPM SABAH







# JPPM PERAK

Bengkel Aplikasi EROSES Daerah Kerian, Bertempat di Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai, Nibong Tebal.






Bengkel Aplikasi EROSES Daerah Larut, Matang dan Selama, Perak.









# JPPM PERAK



Bengkel Aplikasi EROSES Daerah Manjung, Perak



# TRANSFORMASI JPPM

# Kursus Transformasi Jatidiri Individu dan Organisasi

Kursus tersebut telah diadakan pada 28 hingga 30 Mei 2013, bertempat di SEDIM Eco Theme Park Resort, Kulim, Kedah. Kursus ini melibatkan penyertaan daripada semua pemandu dan pembantu am pejabat dari JPPM seluruh negeri.

Pelbagai aktiviti berbentuk educational games, latihan dalam kumpulan dan program keagamaan telah diadakan sepanjang 3 hari berkursus. Selain itu juga, para peserta diuji ketahanan mental dan fizikal melalui aktiviti water confident di mana setiap peserta perlu melakukan aktiviti water rafting di Sungai Sedim.



# PROGRAM DIALOG OUTREACH BERSAMA PERTUBUHAN

*Program ini bertujuan memberi ruang bagi JPPM berinteraksi dengan lebih dekat dengan pertubuhan-pertubuhan melalui sesi dialog yang dianjurkan di semua negeri bermula pada tahun 2011.*








## JPPM PAHANG - PROGRAM HARI MESRA PELANGGAN DI TEMERLOH










## JPPM PAHANG - PROGRAM APLIKASI EROSES BAGI DAERAH KARAK, RAUB DAN KUALA LIPIS, PAHANG PADA 23 HINGGA 27 SEPTEMBER 2013

















*PROGRAM OUTREACH JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA NEGERI SEMBILAN (JPPMNS) BERSAMA PERTUBUHAN BERDAFTAR DAERAH P ORT DICKSON TAHUN 2013*

# PROGRAM "OUTREACH" BAGI MENYAMPAI DAN MENYEBARKAN MAKLUMAT JABATAN DAN AGENSI DIBAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI (NEGERI SABAH)














# PROGRAM ANAK ANGKAT






**(i) Projek MyKad Bersama Anak Angkat JPPM Kelantan**




**(ii) Lawatan Ke Pertubuhan Penggalakan Kesihatan**









**(iii) Majlis Penyerahan MyKad Kepada Anak Angkat JPPM Kelantan**

Penyerahan MyKad Kepada pelajar tahun 6 Sekolah Rendah Islam Aman pada 22 Julai 2013 Bertempat di Sekolah Rendah Islam Aman , Kota Baharu , Kelantan.








## (Iv) Majlis Penyerahan Kerusi Roda Kepada Anak Angkat Jppm Sabah, Taman Didikan Kanak-Kanak Kurang Upaya Sembulan, Kota Kinabalu

Kelab JPPM Cawangan Sabah telah memilih **Taman Didikan Kanak-Kanak Kurang Upaya, Sembulan, Kota Kinabalu sebagai program Komuniti JPPM atas sebab tempat berkenaan kurang mendapat perhatian daripada orang ramai dan memerlukan sumbangan daripada agensi luar.**

**Taman Didikan Kanak-Kanak Kurang Upaya terletak di Sembulan, Kota Kinabalu sejak tahun 1976 di bawah Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am, Sabah untuk menjaga kebajikan kanak-kanak kurang upaya.** Taman tersebut juga memberikan kebajikan sebagai rumah untuk kanak-kanak dari kawasan pedalaman yang memerlukan **rawatan atau latihan**. Sebagai tambahan, ibubapa yang bekerja dan mempunyai kanak-kanak kurang upaya ini juga boleh meletakkan anak-anak mereka dibawah jagaan Taman Didikan tersebut. Kakitangan yang menjaga kanak-kanak kurang upaya tersebut seramai **24 orang** adalah kakitangan Kerajaan di bawah Jabatan Perkhidmtan Kebajikan Am, Sabah seramai 18 orang yang diketuai oleh Puan Azizah binti Nawawi.



Kelab JPPM Cawangan Sabah telah melawat ke tempat tersebut dengan **memberikan sumbangan 2 buah kerusi roda kanak-kanak, pakaian, lampin buang pakai dan juga makanan/minuman** yang disempurnakan oleh Pengarah JPPM Negeri Sabah/ Pengerusi Kelab, Encik Matthew anak Dominic Barin bersama dengan ahli jawatankuasa Kelab pada **16 Mac 2011**.



**Pihak Taman Didikan Kanak-Kanak Kurang Upaya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kelab JPPM Negeri Sabah dan khasnya kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia** ke atas sumbangan yang diberikan dan komited yang diambil membantu kanak-kanak kurang upaya yang memerlukan. Semoga program yang dibuat berterusan mewujudkan masyarakat yang mengamalkan budaya ikram dan melahirkan masyarakat yang sejahtera dan bersatu melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap dan berkesan.



Dilampirkan gambar akitiviti-aktiviti yang dijalan semasa lawatan Kelab JPPM Negeri Sabah bersama dengan Taman Didikan Kanak-Kanak Kurang Upaya, Sembulan, Kota Kinabalu.









# STRATEGIC PARTNERSHIP
STRATEGIC PARTNERSHIP






## Social Enterprise

Social Enterprise adalah pertubuhan yang menggunakan konsep perniagaan bagi menjana pendapatan untuk melaksanakan aktivitinya.Untuk mengatasi cabaran sosial seperti kemiskinan , peminggiran dan penyediaan peluang pekerjaan bagi orang kurang upaya . Konsep ini telah mula diperkenalkan melalui program minda lestari masyarakat sivil di mana pertubuhan yang menguruskan pusat-pusat jagaan telah dibimbing untuk menjalankan kitar semula bagi menjana pendapatan tambahan.





**B**rainstorming Penjenamaan Semula JPPM Di Admiral Cove Marina , Port Dickson Pada 18 hingga 20 Oktober 2013



# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

# 1) PERJAWATAN DAN PENEMPATAN

Sumber Manusia atau modal insan merupakan pemangkin kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah organisasi. Justeru itu, Jabatan sentiasa memastikan semua warganya mendapat latihan secara menyeluruh dan bersesuaian dengan tugas-tugas harian supaya mutu penyampaian perkhidmatan yang diberikan adalah yang terbaik dan memenuhi kehendak semasa pelanggan.

## 1.1 PERJAWATAN DAN PENEMPATAN

Pada tahun 2013, Jabatan telah menerima kemasukan seramai 30 orang pegawai baru. Seramai 5 orang pegawai telah mengisi kekosongan di Ibu Pejabat, manakala 25 orang lagi mengisi jawatan di negeri-negeri. Dalam tempoh yang sama, seramai 22 orang pegawai telah bertukar ke Jabatan/Agensi lain, 6 orang pegawai telah bersara wajib.

| KUMPULAN | BILJ | AWATAN | GRED | BIL JAWATAN | BIL JAWATAN TELAH DIISI | BIL JAWATAN MASIH KOSONG |
|---|---|---|---|---|---|---|
| PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | 1 | JUSA C | VU7 | 1 | 1 | 0 |
| | 2 | Pengawai Tadbir dan Diplomatik | M54 | 1 | 1 | 0 |
| | 3 | Pengawai Tadbir dan Diplomatik | M48 | 13 | 13 | 0 |
| | 4 | Pengawai Tadbir dan Diplomatik | M44 | 66 | | 0 |
| | 5 | Pengawai Sistem Maklumat | M44 | 1 | 1 | 0 |
| | 6 | Pengawai Penguasa Polis | YA16 | 11 | | 0 |
| | 7 | Pengawai Tadbir dan Diplomatik | M41 | 2 | 2 | 0 |
| KUMPULAN SOKONGAN | 1 | Penolong Pegawai Tadbir | N36 | 15 | 15 | 0 |
| | 2 | Penolong Pegawai Tadbir | N32 | 28 | 28 | 0 |
| | 3 | Penolong Akauntan | W32 | 1 | 1 | 0 |
| | 4 | Penolong Pegawai Sistem Maklumat | F29 | 33 | | 0 |
| | 5 | Penolong Pegawai Tadbir | N27 | 39 | 38 | 1 |
| | 6 | ketua Inspektor | YA14 | 22 | | 0 |
| | 7 | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | N26 | 1 | 1 | 0 |
| | 8 | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | N22 | 33 | | 0 |
| | 9 | Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) | N28/32 | 1 | 1 | 0 |
| | 10 | Pembantu Tadbir (Kewangan) | W22 | 1 | 1 | 0 |
| | 11 | Pegawai Khidmat Pelanggan | N17 | 1 | 1 | 0 |
| | 12 | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | N17 | 101 | 99 | 2 |
| | 13 | Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) | N17 | 60 | 6 | |
| | 14 | Pembantu Tadbir (Kewangan) | W17 | 40 | 4 | |
| | 15 | Pembantu Tadbir Rendah | N11 | 00 | 0 | |
| | 16 | Sarjan | YA6 | 1 | 1 | 0 |
| | 17 | Lans Koperal/konstabel | YA2/YA1 | 33 | | 0 |
| | 18 | Pembantu Am Rendah | N4 | 11 | | 0 |
| | 19 | Pembantu Am Rendah | N1 | 20 | 20 | 0 |
| | 20 | Pemandu Kenderaan Bermotor | R3 | 16 | 16 | 0 |
| **JUMLAH** | | | | **272** | **269** | **3** |

## 1.2 LATIHAN DAN KURSUS

Selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Pelan operasi latihan Jabatan 2013, untuk meningkatkan pembangunan modal insan di Jabatan, latihan kepada pegawai Jabatan dilaksanakan secara Latihan Dalaman dan Latihan Luaran. Latihan Luaran yang diterima oleh warga Jabatan adalah anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Dalam Negeri, Bank Negara Malaysia dan Institusi Latihan Agensi Kerajaan seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Secara keseluruhannya, seramai 230 daripada 256 pegawai iaitu 88% berjaya mencapai sasaran tujuh (7) hari berkursus pada tahun 2013. Tiada rekod pegawai tidak menghadiri sebarang kursus dicatatkan sepanjang tahun 2013. Sasaran tujuh hari berkursus secara sekata setiap tahun menunjukkan keperluan latihan dan pendedahan berterusan adalah perlu bagi meningkat kualiti kerja dan mutu penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Latihan yang diberikan kepada pegawai Jabatan adalah berkaitan dengan tugas yang diamanahkan dan meliputi keseluruhan fungsi dan peranan Jabatan.

| KURSUS | TARIKH | BIL. PESERTA |
|---|---|---|
| BENGKEL TRAINIG OF TRAINERS PENGGUNAAN PeDATA DAN mySPATA | 5-7/3/2013 BAYVIEW HOTEL GEORGETOWN PENANG | 32 ORANG |
| KURSUS PENGENALAN FUNGSI DAN PERANAN JPPM | 24-26/3/2013 SILKA MAYTOWER HOTEL & SERVICES RESIDENCES | 40 ORANG |
| BENGKEL PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN ADUAN | 1-3/4/2013 NEW YORK HOTEL, JOHOR BAHRU, JOHOR | 23 ORANG |
| BENGKEL HRMIS | 13-15/4/2013 PROMENADE HOTEL, KOTA KINABULA SABAH | 34 ORANG |
| KURSUS TRANSFORMASI JATIDIRI INDIVIDU DAN ORGANISASI JPPM | 28-30/5/2013 SEDIM ECO THEME PARK RESORT KULIM KEDAH | 33 ORANG |
| BENGKEL PENAMBAHBAIKAN SISTEM EROSES | 24-26/6/2013 HOTEL GRAND CONTINENTAL LANGKAWI | 29 ORANG |
| BENGKEL PENYEDIAAN FAIL MEJA DAN MANUAL PROSEDUR KERJA | 20-24/8/2013 SUMMIT HOTEL USJ | 63 ORANG |
| BENGKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN PERAKAUAN SIRI 11 | 4-7/9/2013 HOTEL GRAND MARGHERITA KUCHING SARAWAK | 15 ORANG |
| BENGKEL KIK 2013 | 21-23/5/2013 HOTEL GRAND MARGHERITA KUCHING SARAWAK | 55 ORANG |
| BENGKEL PENGURUSAN PERAKAUNAN SIRI 1 | 21-24/6/2013 FELDA RESIDENCE KUALA TERENGGANU | 34 ORANG |
| MESYUARAT PERBINANGAN DAN 'BRAINSTORMING' PENJENAMAAN SEMULA JPPM | 18-20/10/2013 AVILLION ADMIRAL COVE PORT DICKSON, N. SEMBILAN | 25 ORANG |
| KURSUS NILAI-NILAI MURNI ZON UTARA | 20-22/9/2013 TASOH LAKE RESORT & RETREAT PERLIS | 22 ORANG |
| KURSUS PENYELARASAN PERLAKSANAAN SISTEM EROSES FASA II (2X) | 29-30/1/2013 BILIK MESYUARAT ARAS 3 JPPM HQ | 30 ORANG |
| BENGKEL LATIHAN SISTEM EROSES BAGI MODUL-MODUL FASA II | 27/2/2013 BILIK MESYUARAT, BHG. PENGURUSAN PERTUBUHAN | 9 ORANG |
| KURSUS JAVASCRIPT | 4-6/6/2013 BHG TEKNOLOGI MAKLUMAT, JPPM | 5 ORANG |

## 1.3 ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2012

Seramai 22 orang pegawai Jabatan telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2012 kerana menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2012. Penerima-penerima Anugerah adalah terdiri daripada 4 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 17 orang pegawai Kumpulan Sokongan I dan 1 orang pegawai Kumpulan Sokongan II. Seramai 10 orang pegawai lagi telah terpilih untuk menerima Sijil Kepujian Perkhidmatan Cemerlang dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 yang diadakan pada 1 Mac 2013 di Kedah.

# KHIDMAT PENGURUSAN JABATAN

Bagi merangka, merancang dan menambahbaik mutu penyampaian perkhidmatan sedia ada, Jabatan menyediakan platform untuk membincangkan segala isu dan masalah yang timbul semasa menjalankan tugas dengan mengadakan mesyuarat-mesyuarat utama Jabatan mengikut jadual yang ditetapkan. Selain itu, Jabatan juga memastikan dan menyelaras semua program dan aktiviti Jabatan dilaksanakan berdasarkan Takwim yang dirancang.

**7.1 Mesyuarat-mesyuarat Utama Jabatan**

**i) Mesyuarat Pengurusan Jabatan**

Mesyuarat Pengurusan Jabatan diadakan di Ibu Pejabat dan semua Pejabat Negeri secara bulanan. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membincangkan hal-hal pengurusan pejabat termasuk pemantauan pelaksanaan program-program Jabatan, pengurusan kewangan dan akaun serta hal-hal keselamatan pejabat. Mesyuarat juga turut membincangkan isu-isu berkaitan pertubuhan yang merupakan aktiviti utama Jabatan.

**ii) Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)**

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) diadakan sebanyak empat kali setahun selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 2002 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Mesyuarat ini merupakan saluran dua hala di antara pihak pekerja dengan majikan di dalam menyelesaikan masalah perkhidmatan dan kebajikan pihak pekerja. Ianya juga merupakan landasan untuk menyuarakan pendapat, cadangan/pandangan serta menyumbang idea-idea baru bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan Jabatan.

**iii) Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Akaun**

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Akaun diadakan sebanyak tiga kali pada tahun semasa. Mesyuarat bilangan ke empat diadakan pada tahun berikutnya selepas penutupan kira-kira dan akaun Jabatan pada 31 Disember setiap tahun untuk membentangkan perstasi dan perbelanjaan keseluruhan Jabatan. Mesyuarat ini diadakan secara berkala untuk memantau Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan, menilai prestasi pengurusan kewangan dan akaun, memperbaiki teguran audit dan melaksanakan arahan-arahan semasa Kerajaan berkaitan pengurusan kewangan.

**iv) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan**

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan diadakan bertujuan untuk memastikan pengurusan aset Jabatan dilaksanakan secara sistematik, holistik dan strategik. Mesyuarat ini diadakan sebanyak empat kali setahun untuk membentangkan kedudukan terkini aset dan inventori Jabatan. Mesyuarat juga membincangkan laporan hasil pemeriksaan aset, tindakan pelupusan dan tindakan surcaj/tatatertib.

### v) Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU)

Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus ditubuhkan bagi menggabungkan terma rujukan, amalan terbaik dan usaha-usaha yang sebelum ini dilaksanakan melalui Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP), Jawatankuasa Tadbir Urus (JTU), dan Pasukan Petugas Menangani Karenah Birokrasi (PPMKB). Mesyuarat ini diadakan sebanyak tiga kali setahun untuk memastikan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan adalah berlandaskan kepada pentadbiran berintegriti, tadbir urus terbaik dan tiada karenah birokrasi. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab memastikan pentadbiran Kerajaan adalah terhindar daripada gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Tujuh terma JKTU yang dibincangkan adalah seperti berikut:

a) Dasar dan Perundangan;
b) Sistem dan Prosedur Kerja;
c) Nilai-nilai Murni dan Kod Etika;
d) Pengurusan Pelanggan;
e) Kawalan Dalaman;
f) Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan; dan
g) Pengiktirafan dan Penghargaan

### vi) Mesyuarat Pengurusan Pertubuhan dan Mesyuarat Pengurusan Bersama Pengarah-Pengarah

Mesyuarat pengurusan Pertubuhan dan Mesyuarat Pengurusan Bersama Pengarah-Pengarah diadakan secara berkala setiap 3 bulan bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan pelaksanaan dasar Jabatan dan perkara-perkara berbangkit hasil pelaksanaan dasar tersebut. Dalam mesyuarat yang sama, ketua-ketua bahagian dan pengarah-pengarah negeri akan membincangkan perkara-perkara baru berdasarkan kertas kerja yang dibentang untuk keputusan dasar dan pelaksanaan.

### vii) Mesyuarat Pegawai-pegawai Pendaftaran

Mesyuarat Pegawai-pegawai Pendaftaran diadakan sebanyak dua kali setahun bertujuan untuk membincangkan isu/masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai pendaftaran semasa memproses permohonan daripada pertubuhan. Dalam mesyuarat yang sama, pegawai pendaftaran akan membentangkan kertas kerja untuk menambahbaik proses kerja sedia ada dan mengemukakan cadangan-cadangan baru untuk disesuaikan dengan keperluan semasa pelanggan. Kertas kerja yang telah dibentang seterusnya akan dibawa dalam Mesyuarat Pengarah-pengarah untuk keputusan dasar.

## 7.2 Perhimpunan Bulanan Jabatan

Perhimpunan Bulanan diadakan bertujuan untuk mengumpulkan pegawai-pegawai Jabatan bagi mendengar amanat Pendaftar Pertubuhan dan mendapat maklumat terkini mengenai berita semasa, program-program Jabatan serta hal ehwal pertukaran atau kemasukan pegawai. Antara pengisian lain program Perhimpunan Bulanan adalah ikrar aku janji pegawai yang baru melapor diri ke Jabatan, penyampaian Sijil Kepujian Perkhidmatan kepada pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dan program ceramah daripada penceramah jemputan meliputi tajuk-tajuk tertentu seperti Arahan Keselamatan, Integriti Memperkasa Budaya Kerja Cemerlang, Skim Simpanan dan Kesihatan Berkelompok serta taklimat 1Malaysia.

## 7.3 Sambutan Hari Inovasi JPPM

Pembudayaan Inovasi menggalakkan pelbagai cetusan idea-idea kreatif serta inovatif dalam mana-mana aspek kerja bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti Jabatan. Hasil inovasi boleh merangkumi apa-apa sahaja perubahan kepada sistem, prosedur, kaedah atau cara bekerja.

Bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian dan perkhidmatan serta menggalakkan pembudayaan Inovasi di kalangan semua pegawai, Jabatan telah menganjurkan pertandingan Anugerah Inovasi dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Pemenang bagi setiap Anugerah seterusnya akan diperakukan untuk mewakili Jabatan ke pertandingan di peringkat Kementerian Dalam Negeri. Pertandingan Anugerah Inovasi dilaksanakan bagi memberi pengiktirafan kepada hasil Inovasi yang diperkenalkan dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif secara berterusan dalam Perkhidmatan Awam.

Sehubungan itu, penilaian Anugerah Inovasi ke pejabat JPPM Negeri yang mengambil bahagian telah dijalankan mulai 21 hingga 29 Jun 2013 dan ditunjukkan seperti dalam Jadual di bawah.

| JPPM NEGERI | TAJUK PROJEK | JPPM NEGERI | TAJUK PROJEK |
|---|---|---|---|
| SABAH | SISTEM LAPORAN BEKALAN STOK PEJABAT | IBU PEJABAT | FBA WORKPLACE SYSTEM |
| PERAK | OMNIDG | WPKL | KESAN |
| KELANTAN | Q-TRACE ASET | SELANGOR | TUTORIAL PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN |
| PERLIS | APLIKASI PEMANTAUAN LATIHAN | KEDAH | JPPM KEDAH CLOUD |
| SARAWAK | SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN (i-CAWANGAN) | NEGERI SEMBILAN | PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM eROSES BAGI PERTUBUHAN MIGRASI (MODUL PEMBAHARUAN SETIAUSAHA) |
| MELAKA | eSOS 2.0 | P.PINANG | MEMPERCEPATKAN PENJANAAN NOTIS 14 (1) |

| JPPM NEGERI | TAJUK PROJEK |
| --- | --- |
| JOHOR | ASSIST KIT |
| PAHANG | ETRANS |
| TERENGGANU | e-ARAHAN PENDAFTAR |
| KELANTAN | PANDUAN PENGHANTARAN MAKLUMAT PERTUBUHAN SECARA ONLINE |

Kriteria pemarkahan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kriteria pemarkahan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam yang disediakan oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Pejabat JPPM Negeri yang memenangi Anugerah Inovasi bagi tahun 2013 ditunjukkan seperti dalam Jadual di bawah.

| PROJEK | TAJUK |
| --- | --- |
| TUTORIAL PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN *( JPPM NEGERI SELANGOR )* | JOHAN |
| e-ARAHAN PENDAFTAR *( JPPM N TERENGGANU NEGERI )* | NAIB JOHAN |
| ASSIST KIT *( JPPM NEGERI JOHOR )* | TEMPAT KETIGA |

Sementara itu, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) diwujudkan bagi menghalusi cadangan/idea baru untuk menyelesaikan permasalahan dalam proses kerja sedia dan seterusnya menggerakkan pelaksanaan Inovasi.

Pada tahun 2013, Pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah diadakan di KSL Hotel & Resort Johor Bahru mulai 2 hingga 3 Julai 2013. Jadual dibawah menunjukkan penyertaan Kumpulan-kumpulan KIK dalam pertandingan Konvensyen KIK yang dianjurkan.

| JPPM NEGERI | NAMA KUMPULAN | TAJUK PROJEK |
| --- | --- | --- |
| PAHANG | CSI | KESUKARAN MENGURUS REKOD KENDERAAN JABATAN |
| KELANTAN | KIJANG | PENERIMAAN PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN SECARA ONLINE DI JPPM NEGERI KELANTAN |
| SABAH | MYROS | TUGASAN PROSES CARIAN MAKLUMAT PERLEMBAGAAN MENGAMBIL MASA YANG LAMA |
| PERAK | ENIGMA | KESUKARAN PENGELUARAN BEKALAN PEJABAT DARI STOR JABATAN |
| TERENGGANU | T-TEAM | KELEWATAN CARIAN FAIL KEPADA PERTUBUHAN BERDASARKAN NOMBOR BARU SISTEM eROSES |
| JOHOR | SUMMATION EIGHT | PENGURUSAN PENERIMAAN DOKUMEN ATAU SURAT YANG KURANG BERKESAN |

| PROJEK | PROJEK KUMPULAN | TAJUK PROJEK |
|---|---|---|
| IBU PEJABAT | ROSHQ | HELP ROS |
| W.P. KUALA LUMPUR | DUTA | KETIDAK FAHAMAN PELANGGAN TERHADAP PANDUAN PENGGUNA SISTEM eROSES |
| SELANGOR | PRO-MEG | MYROS APP |
| KEDAH | ROSKED | KESUKARAN MENYAMPAIKAN MALUMAT PENGURUSAN PERTUBUHAN KEPADA PELANGGAN |
| SARAWAK | SUBI | MASALAH PENGGUNAAN SISTAM eROSES BAGI MODUL PEMBAHARUAN SETIAUSAHA |
| NEGERI SEMBILAN | PERPATIH | PENINGKATAN KOS MENCETAK SEMULA DOKUMEN PEJABAT |
| PERLIS | ROS UTARA | KADAR PUSINGAN STOR TIDAK MENCAPAI DUA PUSINGAN |
| PULAU PINANG | MUTIARA | MENGURANG JUMLAH PERTUBUHAN FAEDAH BERSAMA ( KHAIRAT KEMATIAN ) YANG TIDAK BERDAFTAR DENGAN JPPM NEGERI PULAU PINANG |
| MELAKA | HANG TUAH JAYA | KELEWATAN MENGEMUKAKAN PENYATA MESYUARAT AGUNG PERTAMA BAGI PERTUBUHAN BARU |










































LAPORAN TAHUNAN JPPM 2013

Jabatan telah mengenal pasti panel hakim yang mempunyai pengalaman luas berkaitan aspek pengurusan Kualiti dan Inovasi dari kalangan pegawai-pegawai kumpulan pengurusan dan profesional daripada Agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri untuk mengadili Konvensyen KIK yang dipertandingkan. Pemenang bagi Konvensyen KIK pada tahun 2013 ditunjukkan seperti dalam **Jadual dibawah.**

| PROJEK | TAJUK |
| --- | --- |
| PENERIMAAN PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN SECARA ONLINE DI JPPM NEGERI KELANTAN *( KUMPULAN KIJANG JPPM NEGERI KELANTAN )* | JOHAN |
| TUGASAN PROSES CARIAN MAKLUMAT PERLEMBAGAAN MENGAMBIL MASA YANG LAMA *( KUMPULAN MyROS JPPM NEGERI SABAH )* | NAIB JOHAN |
| KESUKARAN MENYAMPAIKAN MAKLUMAT PENGURUSAN PERTUBUHAN KEPADA PELANGGAN *( KUMPULAN ROSKED JPPM NEGERI KEDAH )* | TEMPAT KETIGA |

Pemenang bagi setiap Anugerah seterusnya diumumkan semasa Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat Jabatan yang diadakan di KSL Hotel & Resort Johor Bahru pada 4 Julai 2013.

Sementara itu, Sambutan Hari Inovasi Peringkat Kementerian Dalam Negeri telah diadakan pada 26 November 2013 bertempat di Universiti Putra Malaysia (UPM). Selain pengumuman pemenang Anugerah Inovasi dan Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Kementerian Dalam Negeri, pihak penganjur telah membuka penyertaan Pameran Inovasi kepada Agensi/Jabatan di bawahnya. Sambutan daripada pegawai-pegawai Kementerian dan Jabatan/Agensi di bawahnya amatlah menggalakkan. Program pameran ini secara tidak langsung dapat menggalakkan perkongsian ilmu serta mengeratkan semangat kekitaan di kalangan warga Jabatan dan Kementerian serta Jabatan/Agensi di bawah KDN.

### 7.4 Pengurusan Aduan Awam Jabatan

Selain aduan berkaitan hal ehwal dalaman pertubuhan, Jabatan juga menerima aduan awam berbentuk pertanyaan mengenai panduan pendaftaran dan semakan status pendaftaran pertubuhan. Semua aduan awam ini dipantau dan diurus berdasarkan Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam Bersepadu (i-SPAAA) yang boleh dicapai melalui laman web Jabatan. Melalui sistem ini, Jabatan akan memastikan orang awam yang membuat aduan mendapat maklumbalas/panduan/khidmat nasihat dan tindakan berkaitan perkara yang diadu.



Selain aduan awam melalui laman web, Jabatan juga menerima aduan yang disalurkan kepada Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri untuk tindakan Jabatan. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 13 aduan awam diterima melalui Sistem i-SPAAA dan 16 aduan lagi aduan diterima melalui Biro Pengaduan Awam (BPA).

Medium terbaru yang digunakan untuk mengemukakan sebarang pertanyaan ataupun aduan kepada Jabatan ialah melalui penggunaan Facebook Jabatan. Melalui cara ini, komunikasi secara dua hala dapat diwujudkan di antara pelanggan dan maklumat dapat disampaikan dengan segera dalam tempoh tidak lebih daripada satu hari.

Pengurusan Aduan Awam Jabatan pada tahun 2013 telah berjaya menyelesaikan kesemua aduan yang diterima iaitu menepati sasaran 100% melalui sistem i-SPAAA, Biro Pengaduan Awam dan Facebook dalam dalam tempoh masa yang singkat .

# PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

## PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia adalah bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan Teknologi & Komunikasi Maklumat (ICT) kepada Jabatan selaras dengan visi JPPM untuk menjadi Jabatan yang dinamik dan kompeten dalam pengurusan pertubuhan. BTM berusaha untuk menjadi bahagian yang
menyediakan sumber ICT yang optimum dalam membantu Jabatan menuju ke arah perkongsian maklumat. Melaksa 2) Portal Jabatan nakan serta membudayakan ICT serta menjadi pusat maklumat pegawai JPPM adalah misi utama pegawai-pegawai di BTM. Selaras dengan itu juga, BTM sentiasa bersedia dengan khidmat nasihat dan juga sokongan teknikal kepada para pengguna di Jabatan.

-

### 1) SISTEM ELEKTRONIK JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (EROSES)

Sistem yang lebih mudah dicapai tanpa perlu hadir ke pejabat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan kini telah diperluaskan penggunaannya ke seluruh negara pada tahun 2012. Sistem ini mempunyai 13 modul yang meliputi keseluruhan aktiviti pengurusan pertubuhan. Berikut adalah Statistik Penggunaan eROSES mengikut modul seperti di jadual :




| | | |
|---|---|---|
| 1 | MODUL PENDAFTARAN PENGGUNA | 76284<br>70885 (AKTIF)<br>5399 (TIDAK AKTIF) |
| 2 | MODUL PENDAFTARAN INDUK | 32642<br>PELBAGAI STATUS |
| 3 | MODUL PEGANG JAWATAN | 2109 |
| 4 | MODUL PEMBAHARUAN SETIAUSAHA | 35392 |
| 5 | MODUL PEMBAYARAN ATAS TALIAN | 8958 |
| 6 | MODUL CARIAN MAKLUMAT PERTUBUHAN | 385 |
| 7 | MODUL PEMBUBARAN | 717 |
| 8 | MODUL RAYUAN | 252 |
| 9 | MODUL PEGAWAI AWAM | 1272 |
| 10 | MODUL PINDAAN | 6606 |
| 11 | MODUL CAWANGAN | 1685 |
| 12 | MODUL PINDAAN UNDANG-UNDANG | 9323 |
| 13 | MODUL PENYATA TAHUNAN | 48298 |

## 2) PORTAL JABATAN

Portal JPPM boleh dicapai melalui laman sesawang www.ros.gov.my dan diwujudkan sebagai satu platform penyebaran maklumat kepada orang awam. Kajian dan pengemaskinian portal JPPM dijalankan sepanjang masa selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan portal sebagai saluran di dalam menyampaikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi-agensi sektor awam kepada orang ramai.

Portal JPPM menawarkan carian status bagi pertubuhan berdaftar kepada pengguna serta informasi terkini berkenaan Jabatan. Pendekatan di mana orang ramai boleh mengakses maklumat, perkhidmatan dan berkongsi pengetahuan dari sumber dalaman dan luaran melalui satu pintu capaian ni disediakan dalam dua versi iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.




## 3) PERKHIDMATAN MYSMS JPPM

Gerbang SMS Kerajaan diperkenalkan sebagai saluran alternatif kepada pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan. Melalui kaedah ini, pelanggan boleh mendapat perkhidmatan daripada Kerajaan dengan mudah, ringkas dan berkesan dengan menggunakan telefon mudah alih.

Inisiatif perkhidmatan MySMS yang disediakan oleh Jabatan adalah seperti berikut:

i) Maklumat di atas permintaan
Semakan direktori Ibu Pejabat dan JPPM Negeri
ii) Dokumen di atas permintaan
Muat turun borang berkaitan pertubuhan
iii) Semakan status pertubuhan Berdaftar
iv) Semakan status pendaftaran Pegawai Harta
v) Semakan status pendaftaran Pegawai Awam

MySMS JPPM boleh dicapai di 15888

## 4) LAMAN SOSIAL JPPM

### 4.1 FACEBOOK JPPM

Jabatan Pedaftaran Pertubuhan Malaysia telah mula berinteraksi dengan pelanggannya melalui facebook JPPM pada 1 Mac 2011 yang lalu di url www.facebook.com/JPPM.Malaysia.

Sokongan padu dan minat pelanggan dalam menjadikan laman sosial facebook JPPM sebagai medium perkongsian ilmu telah meningkatkan lagi jumlah keahlian facebook JPPM yang sehingga kini telah berjumlah 3673 orang.

Facebook JPPM dipantau dan dikemaskini oleh Unit Khidmat Pelaggan JPPM yang sentiasa tampil dengan berita-berita terkini dan aktiviti semasa JPPM.

### 4.2 TWITTER JPPM

Twitter JPPM kini boleh di capai di url https://twitter.com/ROSMalaysia. Sejak mula dibangunkan pada bulan Mac 2012. Keahlian twitter JPPM telah mencecah 4784 orang. Pengguna boleh terus mendapatkan maklumat tekini daripada twitter JPPM.

## 5 ) KURSUS DALAMAN ICT

Bagi melahirkan pegawai JPPM yang lebih cekap dan berkualiti, Bahagian Teknologi Maklumat JPPM telah menganjurkan kursus seperti Jadual berikut:

**JADUAL**

**SENARAI KURSUS ANJURAN BTM BAGI TAHUN 2013**

| | | |
|---|---|---|
| LATIHAN PENTADBIR PORTAL | 18 APRIL 2013 | BPTM |
| CMS JOOMLA | 8 MEI 2013 | BPTM |
| PEMBUDAYAAN EMEL DAN DASAR KESELAMATAN ICT JPPM (ZON TIMUR) | 4 JUN 2013 | JPPM KELANTAN |
| TAKLIMAT ISMS (AWARENESS) | 8 MAC 2013 | IBU PEJABAT |
| PEMBUDAYAAN EMEL DAN DASAR KESELAMATAN JPPM (ZON UTARA) | 13 JUN 2014 | JPPM KEDAH |

## 6) RANGKAIAN DAN PEMBUDAYAAN PENGGUNAAN EMEL JABATAN

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Jabatan seiring dengan globalisasi merentasi dunia tanpa sempadan, Jabatan mensasarkan prestasi rangkaian yang menyeluruh di semua lokasinya dan kemudahan Internet, emel dan aplikasi atas talian JPPM dapat dicapai tanpa gangguan. Peningkata kelajuan jalur lebar (bandwidth) JPPM dari 2 Mbps ke 20 Mbps untuk Ibu Pejabat dan 256 Kbps bagi JPPM negeri telah dibuat bagi mempercepatkan perkhidmatan Internet, capaian sistem aplikasi dan lain-lain perkhidmatan rangkaian kepada pengguna di seluruh Jabatan.






Sementara itu, ke arah era transaksi tanpa kertas, Jabatan membudayakan penggunaan email di kalangan para pegawai. Sistem email telah menjadi saluran rasmi pegawai JPPM dalam berkomunikasi dan digunakan secara meluas dengan cara yang lebih pantas dan berkesan.

Selaras dengan itu, BTM JPPM memastikan setiap pegawai mempunyai kemudahan email dan latihan asas tatacara pengendalian dan pengurusan email kepada pegawai baru telah diberikan. Program kesedaran, tatacara dan pembudayaan penggunaan email dilaksanakan secara berkala bagi menjamin keberkesanan penggunaan email.

## 7) PELAKSANAAN SISTEM KERAJAAN ELEKTRONIK

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Jabatan seiring dengan globalisasi merentasi dunia tanpa sempadan, Jabatan mensasarkan prestasi rangkaian yang menyeluruh di semua lokasinya dan kemudahan Internet, emel dan aplikasi atas talian JPPM dapat dicapai tanpa gangguan. Peningkata kelajuan jalur lebar (bandwidth) JPPM dari 2 Mbps ke 20 Mbps untuk Ibu Pejabat dan 256 Kbps bagi JPPM negeri telah dibuat bagi mempercepatkan perkhidmatan Internet, capaian sistem aplikasi

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat terlibat secara umumnya dalam menyokong pelaksanaan sistem-sistem di bawah projek Kerajaan Elektronik di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

Di antara sistem-sistem yang terlibat adalah :
1. Sistem Pengurusan Kewangan Berkomputer Elektronik (e-SPKB)
2. ePerolehan
3. Sistem Pemantauan Projek (SPPII)
4.Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)
5. Sistem Kehadiran (TADMS)
6. MyMesyuarat
7. Sistem Pengurusan Aset (SPA)
8. eTerimaan

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat akan sentiasa memberikan bantuan dan sokongan teknikal dalam memastikan semua projek kerajaan elektronik berjaya dilaksanakan di Jabatan.

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat telah mendapat pensijilan ISMS bagi Pengoperasian Pusat Data JPPM bagi Sistem

dan lain-lain perkhidmatan rangkaian kepada pengguna di seluruh Jabatan.

Sementara itu, ke arah era transaksi tanpa kertas, Jabatan membudayakan penggunaan email di kalangan para pegawai. Sistem email telah menjadi saluran rasmi pegawai JPPM dalam berkomunikasi dan digunakan secara meluas dengan cara yang lebih pantas dan berkesan.

Selaras dengan itu, BTM JPPM memastikan setiap pegawai mempunyai kemudahan email dan latihan asas tatacara pengendalian dan pengurusan email kepada pegawai baru telah diberikan. Program kesedaran, tatacara dan pembudayaan penggunaan email dilaksanakan secara berkala bagi menjamin keberkesanan penggunaan email.

Portal Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada 7 Mac 2014. Ia melibatkan kawasan p dalam operasi Pusat Data JPPM untuk membolehkan salah satu aplikasi teras Jabatan iaitu Portal JPPM sentiasa ditahap kefungsian terbaik.

MS ISO/IEC 27001:2007 menyediakan rangka kerja ISMS untuk menguruskan keselamatan maklumat dengan memberi penekanan utama kepada pendekatan MyRAM dalam penilaian risiko.

Tujuan ISMS adalah untuk memastikan keselamatan data di pusat data JPPM berada dalam keadaan yang tersedia, dilindungi serta terjamin dari segi kesinambungan operasi. Melalui pemilihan dan permohonan kawalan yang sesuai, ISMS menyokong misi Jabatan JPPM Malaysia dengan melindungi sumber fizikal, kewangan, reputasi, kedudukan di sisi undang-undang, pekerja, dan lain-lain aset ketara dan tidak ketara.

# PRESTASI PERBELANJAAN

## PRESTASI PERBELANJAAN

Secara keseluruhan, Peruntukan Belanjawan Mengurus Jabatan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM 21,000,000.00. Daripada jumlah ini, sebanyak 99% iaitu RM 20,790,000.00 telah dibelanjakan. Pada tahun 2013, jumlah kutipan hasil Jabatan adalah sebanyak RM 452,848.00, di mana jumlah tersebut diperolehi daripada hasil kutipan fi yang dikenakan untuk yuran pendaftaran pertubuhan, carian maklumat pertubuhan dan yuran rayuan terhadap penolakan atau pembatalan pendaftaran pertubuhan serta jualan panduan/contoh Perlembagaan Pertubuhan.

-

## KUTIPAN HASIL

- FI DARIPADA YURAN PENDAFTARAN
- FI PERMOHONAN RAYUAN

# SIDANG REDAKSI

# SIDANG REDAKSI

## PENAUNG

MOHAMMAD RAZIN BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH

## PENASIHAT

TUAN HAJI ALIAS BIN MAMAT
TIMBALAN KETUA PENGARAH

## KETUA PENGARANG

PUAN NAGLAA BINTI ISMAIL

## SIDANG PENGARANG

| | |
|---|---|
| JPPM PERAK | : PUAN NOR AINI BINTI ABDUL RAZAK |
| JPPM PAHANG | : CIK JUZILAWATI BINTI KAMARUDIN |
| JPPM MELAKA | : ENCIK MOHD FAIZ BIN IBRAHIM |
| JPPM KELANTAN | : PUAN KHAIROLNIZA BINTI NOORDIN |
| JPPM TERENGGANU | : PUAN NOOR AZLIDA BINTI ALI |
| JPPM W. P. KUALA LUMPUR | : ENCIK ROSMAN BIN OSMAN |
| JPPM JOHOR | : ENCIK ZAINAL ABIDIN BIN SHAHADAN |
| JPPM NEGERI SEMBILAN | : PUAN SITI ESAH BINTI ABU |
| IBU PEJABAT | : PUAN SHERAL SALME BINTI ABDULLAH |
| | : CIK PANG CHING FANG |
| | : PN SHARIFAH SALMAH BINTI ETEH |
| | : ENCIK SHAKIRIN BIN SHARON JAMIEDY |
| JPPM SELANGOR | : PUAN NOOR JULIANA BINTI ZAINAL |
| JPPM P.PINANG | : ENCIK ABDUL RAHMAN SHAFAWI BIN SHAHUDDIN |
| JPPM SARAWAK | :PUAN AMY MARIANA BINTI ABDULLAH |
| JPPM SABAH | : ENCIK KHAIRIL HEJAZ BIN HARITH YAHYA |
| JPPM PERLIS | : CIK SITI NOR RAFIZOUH BINTI HAMAT |
| JPPM KEDAH | :ENCIK SHAM BIN HUSSIN |

## 'RoS should sue Guan Eng for lying'

**SLANDER:** Independent politicians call for action against DAP secretary-general for alleged lie about letter sent by Registrar

## Admit mistake, DAP told

'ARROGANCE IS A VICE': Party should not underestimate people's intelligence, says Nijhar

## Fail permohonan di mahkamah isu keahliannya dipecat

# Asoghan cabar DAP

G. ASOGHAN menunjukkan surat pemecatan sebagai ahli DAP yang diterimanya semasa sidang akhbar di Butterworth, semalam.



## DAP: We'll use Pas, PKR logos if need be

# DAP faces suit over sacking

**NOT CIVING UP:** Former branch chief says party leadership not recognised by RoS



Former Jalan Bagan Luar DAP branch chief G. Asoghan showing his dismissal letter in Butterworth yesterday.

## Arahan kepada 50,000 anggota di seluruh negara

# Ahli silat gayong daftar semula

Sehubungan itu, kami meminta ahli-ahli lain di seluruh negara tampil melakukan perkara sama supaya mereka menjadi ahli pertubuhan yang sah

ISMAIL JANTAN



## Pendaftaran DAP tak batal

ROS hanya tidak iktiraf pemegang jawatan CEC, boleh guna simbol roket

## Isu pemilihan CEC terus disiasat

ROS setakat ini tidak membuat sebarang keputusan sama ada DAP sah berdaftar atau tidak.

## 106 pertubuhan di Johor dibatal

## Lee: DAP punished me

## Guan Eng rela pendaftaran DAP ...

Semakin hilang arah

## DAP boleh guna simbol sendiri semasa PRU-13

ABD. RAHMAN



Zainal and his supporters

# Pakar hits out over the action by Registrar

**Rini Zahilfah Ismail**

KOTA KINABALU: Pakar (Parti Kerjasama Rakyat Sabah) Protem President, Zainal Hj Nasiruddin, is annoyed that the Registrar of Societies (RoS) failed to decide favourably on the party's application following the High Court order to make a decision on the matter within 21 days.

According to Zainal, ROS informed the court on Tuesday that they have decided to reject Pakar's application. The case has been postponed to Feb. 12, 2013.

He had asked his lawyer, Mazed Jude, to file another review on Jan. 18 against ROS for not adhering to the High Court's order to decide

... Affairs Minister "On Sept. 28, 2010, then ROS Director General, Dato' Hj. Mohd Alias Hj Kalil, admitted it was his responsibility to give approval and promised to look into Pakar's application.

On March 28, 2011, Pakar was informed that according to Akta Pertubuhan 1966, Pakar's application was in order. In other words, it had no problems for approval. In fact, ROS has issued a letter with the reference: PPM/SBH 472/10 dated: March 28, 2011 as evident that Pakar's application was in the process of being approved.

This took place at ROS Malaysia's Chief Assistant Director, Desmond Das A/L Michael ...

## Dedah surat ROS kepada umum

A. RAMANAN

## PRU-13: Kemenangan calon DAP tidak sah?

## PAKAR pro tem panel files second action against ROS

## DAP rebels: Party leaders have no legal standing

## ROS perlu siasat segera DAP - David Dass

## Members urged to defend grievances

## 'DAP shouldn't use Pas logo'

## Keputusan pemilihan Jawatankuasa Tertinggi Pusat

## DAP belum serah kepada ROS

## Jenice pertikai tindakan DAP

**Kuala Lumpur:** "Pendaftar Pertubuhan (ROS) tidak mengiktiraf pemilihan CEC (Jawatankuasa Eksekutif Pusat) DAP, oleh demikian adakah sah untuk kepemimpinan (ertinya menerusi keahlian saya)"...

SENTRAL

## RM140,000 untuk persatuan penduduk berdaftar



Laporan Tahunan JPPM 2014

# 'Cooperate with RoS in probe into DAP polls fiasco'





## David lapor pada ROS dakwa DAP tak ikut prosedur



## Parti itu mengelak daripada mengadakan pemilihan semula CEC

# DAP enggan patuhi arahan ROS

Jika ini alasan dalam proses membuat keputusan oleh ROS, sudah pasti parti pembangkang seperti DAP sampai bila-bila akan dijadikan tebusan lantaran aduan mengarut dan tidak berasas

LIM GUAN ENG
Setiausaha Agung DAP



## Asoghan dakwa Guan Eng letak kroni di setiap negeri



G. ASOGHAN

LIM GUAN ENG

## CEC: Lantik Ambiga, ROS jadi pemerhati



# DAP polls on Sept 29

## Sikap Tony Pua bukti DAP rasis



ZAKARIA SALLEH

## Anulae gesa ambil tindakan tegas bawah Akta Hasutan



# ROS haramkan Sabah Atap, Otai

» Isu kumpulan kongsi gelap berdaftar selesai



Kita tidak menunggu lama untuk buat keputusan mengenai kes ini, semua sudah selesai dan polis pun sudah dimaklumkan

# Guan Eng dicabar dedah isi surat ROS

# 'Urge Guan Eng to submit report'

**BUTTERWORTH:** A former DAP leader here said all party state chairmen were duty-bound to compel secretary-general Lim Guan Eng to submit a report on the central executive committee (CEC) re-election in September to the Registrar of Societies (RoS).

Former Bagan Luar DAP branch chairman G. Asoghan said this was important since it was required by law and that the new CEC line-up must be evaluated by RoS to be recognised as a lawful body.

"Under the Societies Act 1966, RoS can instruct a political party to hold a re-election if its leadership is deemed illegally elected.

"As such, it is important that the CEC submits a report to RoS, since the re-election has already been held," he said here yesterday.

"It is almost two months now (since the re-election). I wonder if Lim is afraid to submit the report to RoS."

## Cabar Guan Eng, Anthony pamer surat ROS



RUSLAN KASSIM

## DAP sudah diminta kemukakan laporan lengkap - ROS

## DAP 'panas punggung', sudah mula kempen CEC

## Serah surat tandatangan perwakilan kepada ROS



# RoS meet fails to resolve LDP crisis

## Opposing groups continue to disagree on leadership issues

**KOTA KINABALU:** Two Liberal Democratic Party (LDP) factions have failed to reach a consensus to resolve the party's leadership after a long meeting with Registrar of Societies director-general Mohammad Razin Abdullah.

While LDP president Datuk Liew Vui Keong claimed that both factions had agreed to call off their respective party congress on Oct 19, his opposing deputy Datuk Chin Su Phin said they were proceeding with their meeting.

The factions meeting with Mohammad Razin and his deputy Alias Mamat was held at the ROS headquarters in Putrajaya on Monday.

"It was a long meeting and at the end of the day, it was agreed by all parties that among other things, the party's 24th congress (fixed for Oct 19 and 20) will be postponed to a later date to be decided by the LDP election committee," Liew said.

He said there would be no LDP meetings in either Sandakan where Liew's faction had planned their gathering or in Kota Kinabalu where Chin's group was supposed to hold their conference.

In an immediate reaction, Chin said his group was going ahead with their meeting as planned.

He said there was no agreement to postpone their scheduled gathering.

**www.ros.gov.my**
**www.eroses.gov.my**